


4 sekeluarga maut nahas

Menggigil lihat kereta ayah

>>Oleh Mohamad Hussin, Muhammad Saufi Hassan dan Zuliaty Zulkiffli
am@hmetro.com.my

POKOK SENA: "Sukar menggambarkan perasaan ketika itu dan kaki saya tiba-tiba menggigil sebaik melihat nombor pendaftaran Perodua Viva yang terbabit kemalangan itu milik ayah."

Kata Mohd Anuar Shafie, 32, anak kedua tukang gunting, Shafie Hamid, 57, yang terbunuh bersama isteri, Che Faridah Ani, 60, serta dua anak mereka, Mohd Ittihal, 26, dan Nurul Faiz, 24, selepas kereta mereka naiki bertembung lori seberat dua tan dalam kemalangan ngeri di Jalan Pendang-Kebun 500 berhampiran Kampung Permatang Limau, di sini, semalam.



SEDIH...saudara-mara menunggu jenazah mangsa di HSB.

Pilu sambut mangsa

ALOR SETAR: Suasana pilu menyelubungi pekara-ngan Unit Forensik, Hospital Sultanah Bahiyah (HSB), di sini, apabila empat beranak maut dalam kemalangan ngeri di Jalan Pendang-Kebun 500 berhampiran Kampung Permatang Limau, di sini, semalam. Kira-kira 200 ahli keluarga, saudara-mara serta sahabat-handai memberi penghormatan terakhir kepada mangsa kemalangan itu. Sementara itu, Timbalan Ketua Polis Daerah Kota Se-

hal, 26, dan Nurul Faiz, 24. "Anak bongsu keluarga itu yang berada dalam kereta berkenaan, Mohd Iqbal Zakuan, 15, dilaporkan kritikal dan dirawat di Unit Rawatan Rapi HSB," katanya. Rohana berkata, semua mangsa dalam perjalanan menuju Kebun 500, Pokok Sena, baru keluar dari rumah mereka di Kampung Kubang Pisang, Pendang. "Polis masih menjalankan siasatan berhubung punca kejadian. Kes disiasat mengikut Seksyen 41(1) Akta

Seorang lagi anak pasangan itu, Muhd Iqbal Zakuan, 15, parah dan kini menerima rawatan di Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) di sini.

Kejadian jam 2.30 petang itu berlaku apabila lori terbabit hilang kawalan akibat kerosakan teknikal sebelum memasuki laluan bertentangan lalu merempuh kereta itu menyebabkan keempat-empat mangsa mati di tempat kejadian.

Mohd Anuar berkata, dia melalui kawasan berkenaan dan melihat orang ramai mengerumuni sebuah Perodua Viva dan lori yang terbabit kemalangan ngeri, na-

mun tidak mengesyaki apa-apa selain beranggapan ia hanya kemalangan biasa.

“Namun, selepas meng-hampiri kawasan kemalangan itu, saya lihat kereta itu mirip kereta ayah dan jantung saya seperti berhenti berdegup apabila mendapati ahli keluarga terbabit nahas itu,” katanya.

Menurutnya, sebelum itu, hatinya tergerak mahu pulang ke rumah ibu bapanya di Kampung Kubang Pisang, Pendang untuk menjenguk orang tuanya, namun dike-jutkan dengan kemalangan yang meragut nyawa ibu bapanya serta dua lagi adik.

Katanya, ketika kejadian,

dia berada di Jabi, di sini, berikutan mempunyai urusan dan menyedari kehadiran beberapa ambulans serta jentera bomba dan penyelamat memasuki jalan menghala Tualang.

“Ketika kejadian, telefon bimbit saya kehabisan bateri. Saya langsung tidak mengetahui kejadian itu. Jika saya tidak melalui laluan itu, sudah pasti tidak tahu kejadian menimpa keluarga.

“Ibu dan bapa tidak menunjukkan tingkah laku pelik sebelum kejadian, cuma semalam (kelmarin), mereka singgah di rumah saya berjumpa cucu mereka, namun kelihatan seperti biasa. Saya tak sangka itu kali terakhir berjumpa mereka,” katanya.

Katanya, dia menerima kejadian itu sebagai takdir selain reda.

Sementara itu, saksi kejadian, Jamaluddin Ramli, 31, berkata, dia mendengar raungan seorang mangsa kemalangan yang menjerit kesakitan berikutan tersepit dalam kereta selain meminta tolong.

Menurutnya, dia bersama beberapa penduduk berhampiran cuba mengeluarkan mangsa, namun tidak berjaya kerana mereka tersepit akibat rempuhan itu. “Saya bertanya nombor

telefon waris mereka dan cuba menghubungi nombor diberikan, namun tidak berjaya. Selepas itu, saya menghubungi polis dan bomba bagi mengeluarkan mangsa yang tersepit.

“Lebih menyedihkan, saya tidak dapat berbuat apa-apa untuk menyelamatkan mangsa yang menjerit meminta tolong. Kami hanya mampu menghubungi bomba untuk mengeluarkan mangsa kemalangan itu,” katanya.



ROSAK...kereta mangsa yang terbabit kemalangan.

tar, Superintendan Rohana Omar ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan kejadian terbabit.

Menurutnya, kejadian berlaku di Jalan Pendang menghala Kebun 500, di sini, jam 2.30 petang apabila sebuah Perodua Viva dinaiki lima beranak bertembung sebuah lori yang mengalami kerosakan lalu terbasas ke laluan bertentangan.

“Dalam kejadian itu, empat beranak yang maut di tempat kejadian dikenali sebagai Shafie Hamid, 57, isterinya, Che Faridah Ani, 60, serta dua anak mereka, Mohd Itti-

Pengangkutan Jalan 1987 kerana memandu dalam keadaan cuai hingga menyebabkan kematian,” katanya.

Menurutnya, pemandu lori itu tidak cedera dan masih menunggu laporan daripada pemandu berkenaan.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Alor Setar, Mahmud Fauzi Abdullah berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan daripada orang ramai jam 2.45 petang sebelum sebuah jentera dan pacuan empat roda bersama sembilan anggota dikejarkan ke tempat kejadian untuk mengeluarkan mangsa.



REMUK...lori yang terbabit dalam kemalangan.